



“PARA SAHABAT SEBAGAI GENERASI KHAIRU UMMAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ حَبِيبُهُ وَخَلِيلُهُ، اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَيَّ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ الْمَيَامِينِ
الْمُطَهَّرِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Para jemaah yang dirahmati Allah,

Pada hari ini, saya sebagai khatib mengingatkan diri saya dan para jemaah sekalian agar meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala yang disuruh dan meninggalkan segala yang dilarang, semoga dengan itu Allah mengurniakan kepada kita kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Hari ini kita masih menyambut hari dan bulan Maulidil Rasul SAW, bulan yang dipenuhi dengan berbagai pujian melalui marhaban dan rawi, qasidah dan ceramah, kesemuanya itu adalah untuk menzahirkan keagungan risalah yang di bawa oleh Baginda Nabi SAW. Maka hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk : "**PARA SAHABAT SEBAGAI GENERASI KHAIRU UMMAH**".

Selama 23 tahun Rasulullah SAW berdakwah, mengajak, memujuk, merayu dan menyeru ummat manusia pada masa itu kepada jalan Allah, akhirnya sekumpulan generasi teras yang unggul berjaya dihasilkan dari Madrasah Muhammadiyah dengan meraih darjat yang paling tinggi di sisi Allah iaitu: Khaira ummah atau Ummah yang terbilang. Jolokan ini diisytiharkan oleh Allah SWT melalui firmanNya dalam surah Al-Imran ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ....

"Kamu semua adalah sebaik-baik ummah yang diutus kepada manusia ..."



At Tabari (الطبري) dalam tafsirnya Juzuk ke 7 menukil pendapat Ad Dhahhak (الضحَّاك) yang menjelaskan makna "Kamu" pada ayat tersebut adalah para sahabat yang semasa dengan Baginda SAW.

Kedudukan yang tinggi ini dinyatakan oleh Allah di dalam Al-Quran dan diperakui sendiri oleh Nabi SAW, antara lain:

Pertama: Allah redha dan memuji para sahabat dikalangan Muhajirin dan Ansar serta orang-orang yang mengikut jejak langkah mereka dan Allah menjanjikan untuk mereka Syurga yang berkekalan. Firman Allah dalam surah At Taubah ayat 100 :

وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ
وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا
عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Kedua: Allah memuji kehebatan iman mereka yang tiada tolok bandingnya kerana pendirian mereka yang amat tegas melaksanakan suruhan-suruhan Allah. Firman Allah SWT dalam surah Al-Mujadalah ayat 22:



...وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
خَالِدِينَ فِيهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ
أُولَئِكَ حِزْبُ اللَّهِ أَلَا إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah.

Dalam Hadis-Hadis Nabi SAW juga banyak terdapat penjelasan tentang kelebihan para sahabat dan kehebatan mereka.

Antara lain :

Pertama: Hadis daripada Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

...خَيْرُ أُمَّتِي الْقَرْنُ الَّذِي بُعِثَ فِيهِمْ ثُمَّ
الَّذِينَ يَلُونَهُمْ.

"Sebaik-baik umatku ialah para mukmin yang hidup sezaman denganku, kemudian mereka yang datang selepas itu."



(Riwayat Muslim)

Kedua: Hadis daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud ;

“Jangan kamu memaki sahabat-sahabatku, jangan kamu memaki sahabat-sahabatku, tinggalkan mereka padaku, sesungguhnya jika salah seorang darimu menginfaqkan emas sebesar Bukit Uhud nescaya tidak akan dapat menyamai secupak infaq mereka walaupun setengah cupak”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ketiga: Dalam perakuan lain melalui hadis daripada Abu Burdah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

“Bintang-bintang adalah panduan di langit, apabila ia hilang akan tibalah apa yang dijanjikan. Saya adalah panduan kepada sahabat-sahabatku, apabila aku pergi maka datanglah kepada mereka apa yang telah dijanjikan. Sahabat-sahabatku pula adalah panduan kepada umatku, apabila mereka tiada maka tibalah kepada umatku apa yang dijanjikan (fitnah, perselisihan, perpecahan dan lain-lain)”.

(Riwayat Muslim)

Demikianlah kehebatan dan ketinggian para Sahabat RA yang telah diperakui oleh Allah dan Rasulullah SAW. Sesungguhnya Ilmu dan pengorbanan mereka yang tinggi tiada tolok bandingnya, aqidah dan keimanan mereka yang kukuh mengakar dan subur merimbun, melayakkan mereka



diumpamakan bintang-bintang di langit menjadi panduan yang tepat bagi penduduk-penduduk di bumi.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah.

Perbincangan mengenai Generasi Sahabah sebagai generasi terpilih masih belum sempurna. Sesungguhnya kita perlu mendalami apakah ciri-ciri dan sifat-sifat terpuji yang melayakkan mereka berada pada darjat yang sangat mulia ini ?. Oleh itu marilah kita mengamati apa yang dijelaskan oleh Al-Quran dan Hadis mengenai hal tersebut:

Pertama: Mereka iltizam melaksanakan Amar Ma'ruf dan Nahi Mungkar. Ertinya mereka sentiasa melaksanakan perintah menyebarkan dakwah dikalangan manusia, menyuruh kepada perkara yang baik dan tidak mendiamkan diri merasa selesa jika berhadapan dengan perkara yang mungkar dimana dan siapa sahaja yang melakukannya. Hal ini dirakam oleh al Quran dalam sebahagian daripada ayat 110, surah Al-Imran (آل عمران) dimana Allah berfirman:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِالمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ ...



"Kamu adalah sebaik-baik ummat yang diutus kepada manusia, kamu menyuruh melakukan perkara ma'aruf dan menegah dari perbuatan mungkar dan kamu beriman kepada Allah".

Kedua: Mereka mempunyai keimanan yang sangat tinggi kepada Allah dan RasulNya. Ini dijelaskan dalam ayat yang sama dalam surah al-Imran yang juga dapat di saksikan dalam pengakuan Saad ibn Ubadah (سعدُ بنُ عُبَادَةَ) dalam peristiwa yang gawat sebelum berlaku peperangan Badar, dimana Rasulullah meminta pandangan para sahabah termasuk Saad Ibnu Ubadah sama ada ingin bersama Rasulullah meneruskan peperangan atau pun tidak. Maka Saad memberi jawapan dan pengakuan kepada Rasulullah saw dengan tegas tanpa berdolak dalik :

يَا رَسُولَ اللَّهِ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ أَمَرْتَنَا
أَنْ نُخِيضَهَا الْبَحْرَ لَأَخْضُنَاهَا وَلَوْ أَمَرْتَنَا
أَنْ نَضْرِبَ أَكْبَادَهَا إِلَى بَرِّكَ الْغِمَادِ لَفَعَلْنَا

"Ya Rasulullah! Demi diriku yang berada di dalam genggamannya, jika tuan menyuruh kami mengharung lautan sekalipun nescaya kami akan turun mengharungnya



dan sekiranya tuan menyuruh kami pergi walau hingga ke بَرَكٍ
الْغَمَادِ, juga kami tetap akan pergi”.

(Riwayat Muslim)

Untuk pengetahuan para jemaah sekalian bahawa بَرَكٍ الْغَمَادِ adalah nama tempat yang sangat jauh berada diujung selatan Semenanjung Tanah Arab.

Ketiga: Para sahabat mempunyai sifat saling menyayangi dikalangan mereka yang sesama Islam, sebaliknya mereka sangat tegas dan keras terhadap kuffar yang memusuhi Islam. Mereka juga adalah generasi yang sangat kuat beribadah kepada Allah. Hal ini dinyatakan oleh Allah dalam surah Al Fath ayat 29:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ ^ج وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى
الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا
يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي
وُجُوهِهِمْ مِّنْ أَثَرِ السُّجُودِ ^ج



"Muhammad adalah Rasulullah dan mereka (para Sahabat) yang bersama dengannya sangat keras terhadap orang-orang kafir, sebaliknya mereka sangat menyayangi sesama mereka. Engkau lihat mereka sentiasa ruku' dan sujud menuntut kelebihan dari Allah dan keredhaanNya. Tanda cahaya terpancar pada wajah mereka kesan dari banyak bersujud".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah:

Demikianlah sebahagian dari sifat-sifat terpuji yang ada pada para sahabat RA. Sebenarnya kita sebagai penghujung ummat ini juga turut berpeluang untuk mencapai kedudukan yang mereka miliki. Para mufassirin memahamkan bahawa ayat (خير أمة) yang disebut pada awal khutbah tadi memberikan laluan umum kepada semua ummah Islam dengan memenuhi pra syarat yang dimiliki oleh sahabah. Cukuplah bernostalgia dengan kejayaan silam, lengkapkan diri kita dengan sifat-sifat terpuji seperti mereka, berusaha untuk mengembalikan mahkota yang pernah mereka miliki, pasti kita akan mencapai kejayaan yang dijanjikan. "Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya", "yang bulat takkan datang bergolek, yang pipih takkan datang melayang".



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ
وَمَا نَزَلَ مِنَ الْحَقِّ وَلَا يَكُونُوا كَالَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ
قَبْلُ فَطَالَ عَلَيْهِمُ الْأَمَدُ فَقَسَتْ قُلُوبُهُمْ ^ص وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ
فَاسِقُونَ ﴾

"Belum sampaikah masanya kepada orang-orang yang beriman agar hati mereka menjadi khusyuk lantaran mengingat Allah dan ayat-ayat al Quran yang diturunkan. Dan janganlah mereka menjadi seperti orang-orang yang diberikan kitab sebelumnya, selepas berlalu masa yang panjang, lalu hati mereka menjadi keras dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq".

(Al-Hadid : 16)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ



وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ،
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ
وَقَائَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ
سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ
ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ . اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ،
تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ
شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ



وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir dan miskin serta mereka yang mewakafkan dan menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan



Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ
يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.